



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/02/38 (HQ)

### SOUTHERN POWER GENERATION MULA TUGAS

- Peroleh Tarikh Operasi Komersial (COD) bagi Unit 2 pada 19 Februari 2021, jam 00:00
- Tingkat kapasiti penjanaan di Semenanjung Malaysia kepada 25,962MW

Southern Power Generation Sdn. Bhd. (SPG) kini bersedia untuk menyalurkan 1,440 megawatt (MW) bekalan elektrik kepada grid nasional menerusi dua loji janakuasa tarbin gas kitaran gabungan (CCGT), masing-masing berkapasiti 720MW.

“Saya berbangga untuk berkongsi bahawa SPG kini boleh beroperasi pada tahap penuh kapasiti penjanaannya berikutan unit kedua (Unit 2) Loji Janakuasa Tarbin Gas Kitaran Gabungan (CCGT) berjaya mencapai tarikh operasi komersial (COD) pada tengah malam (jam 00:00) hari ini, 19 Februari 2021,” kata Pengarah Urusan, TNB Power Generation Sdn. Bhd., Dato’ Nor Azman Mufti.

Beliau berkata, Unit 1 juga mencapai tarikh operasi komersial pada 1 Januari 2021. Dengan tercapai COD Unit 2 ini, sejumlah 720MW lagi penjanaan disalurkan kepada kapasiti penjanaan sedia ada di Semenanjung Malaysia, membawa jumlah keseluruhan penjanaan kepada 25,962MW.

Nor Azman berkata kejayaan SPG dapat dilakukan hasil usaha kerjasama dan sokongan pihak berkepentingan termasuk pengawalselia, pihak berkuasa, rakan projek, pemodal dan kontraktor.

“Terima kasih. Bersama, kita telah menjadikan ia satu pencapaian bermakna buat TNB dalam menjayakan projek-projek utama negara.”

Nor Azman juga berkata, kedua-dua loji itu terletak secara strategik di bahagian selatan Malaysia iaitu Pasir Gudang, Johor Darul Takzim dan berperanan penting dalam mengukuhkan kestabilan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia.

Kedua-dua loji ini dikendalikan dan disenggara sepenuhnya oleh REMACO, anak syarikat TNB Power Generation Sdn. Bhd. TNB Power Generation adalah anak syarikat milik penuh TNB yang membangunkan, mengendalikan serta menyelenggara portfolio unit penjanaan tenaga milik TNB.

SPG membekalkan tenaga kepada TNB menerusi Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA). Kedua-dua lojinya menggunakan gas asli sebagai bahan bakar utama.

Bekalan elektrik yang dijana menggunakan teknologi turbin pembakaran 9HA.02 daripada General Electric (GE) yang dijangka mencapai kecekapan loji kitarpadu melebihi 60 peratus. SPG adalah loji janakuasa komersial pertama di dunia yang menggunakan turbin gas 9HA.02 terbaharu dan paling cekap dihasilkan GE.

TNB dan anak syarikat milikan penuhnya, TNB Power Generation Sdn. Bhd. memiliki saham majoriti sejumlah 70 peratus dalam SPG sementara SIPP Energy Sdn. Bhd. memegang baki 30 peratus.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 19 Februari 2021, jam 5:30 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Southern Power Generation Sdn. Bhd. (SPG) kini bersedia untuk menyalurkan 1,440 megawatt (MW) bekalan elektrik kepada grid nasional menerusi dua loji janakuasa turbin gas kitaran gabungan (CCGT), masing-masing berkapasiti 720MW.



Pengarah Urusan, TNB Power Generation Sdn. Bhd., Dato' Nor Azman Mufti